

# Merintis import teknologi

KUALA LUMPUR 4 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pelonggaran dasar kerajaan dalam bidang penjana tenaga telah mewujudkan banyak peluang kepada para pengeluar tenaga, pengilang jentera berat dan vendor untuk merintis Malaysia sebagai pengimport teknologi serta kepakaran berkaitan tenaga.

Perdana Menteri menyatakan, sejak tahun-tahun kebelakangan ini, sektor penjana tenaga telah melalui perubahan besar dan perkembangan tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif pelonggaran kerajaan untuk memastikan penggunaan optimum terhadap sumber-sumber negara.

"Ia juga memberikan dorongan untuk mempercepat pencapaian negara sebagai negara perindustrian menjelang tahun 2020," katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian melalui perutusannya dalam buku panduan sempena Pameran Antarabangsa Malaysia Mengenai Peralatan Penjana Kuasa Elektrik, Penghantaran, Pengedaran dan Pemasangan bersama Associated Instrumentation and Controlled Equipment (Elenex Malaysia 1994).

Elenex Malaysia 1994,

pameran antarabangsa yang terulung bagi sektor penjana kuasa elektrik, penghantaran dan pengedaran akan berlangsung selama empat hari mulai esok di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Ia diadakan sempena perayaan Ulang Tahun Ke-100 Industri Elektrik di Malaysia.

Pameran empat hari itu yang dianjurkan oleh Malaysian Exhibition Services Sdn. Bhd. disertai oleh kira-kira 343 buah syarikat dari 29 negara termasuk England, Jerman, Amerika Syarikat, India, Perancis, Sweden, Jepun, Finland, China dan Canada.

Dr. Mahathir juga berkata, pameran berkenaan juga boleh memainkan peranan utama dalam mewujudkan peluang untuk mengoptimalkan keupayaan penjana tenaga di negara ini, di samping memajukan sumber tempatan dan keupayaan pengilangan.

Dalam perutusannya itu beliau juga memberitahu, para usahawan Malaysia perlu mengambil kesempatan daripada pameran seperti Elenex Malaysia dan berusaha di seberang laut yang menyediakan banyak peluang dalam bidang penjana tenaga dan kegiatan-kegiatan berkaitan.